



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MAJLIS PELUNCURAN KAMPUNG ANGKAT MADANI MOSTI 2025

KLANG, 26 November 2025 - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melancarkan **Program Kampung Angkat MADANI di Kampung Sungai Udang, Klang** sebagai sebuah inisiatif pembangunan komuniti yang menyeluruh dengan peruntukan **RM1.68 juta** bagi menaik taraf kemudahan asas serta meningkatkan kesejahteraan penduduk dan memperluas pendedahan teknologi kepada masyarakat setempat.

Program ini merupakan komitmen Kerajaan Persekutuan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI untuk memastikan tiada komuniti yang tercicir khususnya di kawasan desa dan pinggir bandar. Ia juga merupakan kesinambungan pelaksanaan Program Kampung Angkat MADANI (KAM) yang bermula pada tahun 2024 di Kampung Tekam, Johor.

Di bawah inisiatif Kampung Angkat MADANI Tahun 2025, MOSTI memilih **Kampung Sungai Udang** sebagai lokasi tumpuan dengan peruntukan asas sebanyak **RM1 juta** daripada Kementerian Kewangan. Setelah meneliti keperluan mendesak di lapangan, MOSTI menambah **peruntukan tambahan RM680 ribu** menjadikan jumlah keseluruhan **RM1.68 juta**.

Antara projek penambahbaikan yang dilaksanakan di bawah Program Kampung Angkat MADANI termasuk **menaiktaraf kemudahan asas oleh Pejabat Daerah dan**

Tanah Klang (PDTK) yang melibatkan pembaikan dewan terbuka dan Balai Raya Rumah Murah Sungai Udang, penurapan semula lorong Bakti, pembinaan ruang aktiviti berbumbung serta kerja-kerja naik taraf surau dan kemudahan awam di beberapa lokasi. **Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Sungai Udang turut melaksanakan projek fizikal** seperti pembinaan mercu tanda Kampung Sungai Udang dan gelanggang serbaguna berbumbung di Amazing Height di samping penganjuran program komuniti seperti Subuh Sekampung, gotong-royong MADANI dan lain-lain program.

Selain itu, **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyumbang** melalui pemasangan lampu solar di lima lokasi strategik manakala **JKR Klang melaksanakan kerja-kerja membaik pulih longkang dan infrastruktur** di Jalan Sungai Udang bagi mengurangkan risiko banjir kilat.

Selari dengan mandat MOSTI untuk menyemarakkan budaya sains, teknologi dan inovasi dalam kalangan masyarakat, majlis peluncuran turut menampilkan penglibatan agensi-agensi MOSTI melalui pameran dan demonstrasi teknologi termasuk **pameran Planetarium Negara dan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA), demonstrasi kenderaan hidrogen Toyota Mirai serta pertunjukan sains Interaktif oleh Pusat Sains Negara (PSN).**

Inisiatif ini bertujuan memperluas pengetahuan masyarakat melalui pendedahan teknologi yang mudah difahami, meningkatkan kesedaran mengenai teknologi masa hadapan seperti angkasa, hidrogen dan inovasi hijau serta mewujudkan suasana pembelajaran yang inklusif dan menyeronokkan bagi semua lapisan masyarakat.

Mengulas mengenai program ini, **Ketua Setiausaha MOSTI** berkata “Program Kampung Angkat MADANI bukan sekadar menaik taraf infrastruktur asas tetapi membawa pendekatan pembangunan komuniti yang inklusif dan progresif. MOSTI komited memastikan manfaat STI dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat termasuk komuniti desa seperti di Kampung Sungai Udang.”

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada MBDK, PDTK, JPKK Sungai Udag, agensi negeri, KPKT serta semua penduduk atas komitmen dan kerjasama strategik sepanjang pelaksanaan projek.

Membina Masa Depan Komuniti yang Sejahtera dan Berdaya Saing

Sebagai pelengkap kepada usaha pembangunan komuniti, MOSTI turut melaksanakan **Program Sekolah MADANI MOSTI 2025 di Sekolah Kebangsaan Telok Gadong, Klang** sebuah inisiatif pendidikan berstruktur yang memberi fokus kepada pengukuhan nilai, sahsiah dan pembangunan karakter pelajar melalui pendekatan yang lebih holistik. Program ini dirancang bagi menyokong pembentukan generasi muda yang berfikiran kritis, berdaya saing serta mempunyai pendedahan awal terhadap ilmu pengetahuan, kepimpinan dan pembinaan komuniti. Inisiatif ini turut berfungsi sebagai jambatan antara sekolah, ibu bapa dan komuniti dalam memastikan pembangunan sosial yang lebih seimbang di peringkat akar umbi.

MOSTI berharap projek dan inisiatif yang dirancang akan memberi impak nyata kepada kesejahteraan penduduk yang menyediakan ruang aktiviti yang lebih selesa serta membuka peluang pembangunan ekonomi setempat. Program ini dijangka menjadi model terbaik untuk diperluas ke lebih banyak lokasi di bawah fasa baharu Program Kampung Angkat MADANI.

#TAMAT#

Disediakan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
26 NOVEMBER 2025